

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29.11.2017**

**Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) kedudukan hasil negara ekoran dari rasionalisasi subsidi kejatuhan harga minyak mentah;
- (b) pelaksanaan GST dan pemansuhan SST serta usaha untuk memantapkan lagi hasil Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Mengambil kira pertumbuhan ekonomi negara pada 5.2% - 5.7% pada tahun 2017 dan anggaran purata tahunan harga minyak mentah

dunia pada paras USD50 setong, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 dianggarkan berjumlah RM225.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai dianggarkan berjumlah RM180.2 bilion, manakala hasil bukan cukai dianggarkan berjumlah RM45.1 bilion. Bagi hasil berkaitan petroleum pula, ia dianggarkan berjumlah RM33.6 bilion.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 telah meluaskan asas cukai. Kutipan GST telah membantu mengurangkan kehilangan hasil ekoran harga minyak yang lebih rendah dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi yang tidak menentu. Sehubungan itu, peratusan hasil berkaitan petroleum berbanding jumlah keseluruhan hasil telah berkurang daripada 40% pada 2009 kepada 14.6% pada 2016.

Kerajaan telah melaksanakan usaha konsolidasi fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Usaha ini telah berjaya mengurangkan paras defisit fiskal Kerajaan pada tahun 2009 daripada 6.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016 dan seterusnya dianggarkan kepada paras 3% pada tahun 2017. Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal walaupun Kerajaan mengalami pengurangan hasil berkaitan petroleum yang ketara pada tahun 2015 dan tahun 2016,

berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia daripada USD99 setong pada tahun 2014 kepada USD52 dan USD44 masing-masing pada tahun 2015 dan 2016.

Konsolidasi fiskal terus menumpukan usaha untuk meningkatkan hasil serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga menggunakan Rangkakerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) di mana unjuran dan perbelanjaan dibuat secara *multi-year* untuk tempoh sehingga 3 tahun. Melalui rangkakerja ini, beberapa strategi peningkatan hasil dan mengoptimum perbelanjaan telah dirangka bagi mencapai sasaran bajet hampir berimbang pada tahun 2020. Dari segi peningkatan hasil, Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha menambah baik pentadbiran, meningkatkan pematuhan dan mengukuhkan audit cukai yang bertujuan untuk mengurangkan ketirisan cukai dan mengecilkan jurang cukai (*tax gap*).